

PERLEMBAGAAN MAJLIS GURU BESAR NEGERI SELANGOR DARUL EHSAN



LAMBANG

Cogankata:

Bersatu, Berusaha, Beramanah, Bermutu, Berkesan

Fasal 1

Nama dan Alamat

- 1.1 Nama Majlis ini ialah Majlis Guru Besar Negeri Selangor Darul Ehsan, ringkasnya MGB Selangor DE dan selepas itu disebut MAJLIS.
- 1.2 Pejabat Majlis ini ialah di sekolah Setiausaha bertugas atau ditentukan oleh Ahli Jawatankuasa Tadbir Majlis ini.
- 1.3 Tempat mesyuarat Majlis akan ditentukan oleh Ahli Jawatankuasa Tadbir Majlis dari semasa ke semasa.

Fasal 2

Definasi

- 2.1 Perkataan “GURU BESAR” bermaksud semua guru yang dilantik oleh Kementerian Pendidikan Malaysia sebagai Guru Besar, Pemangku Guru Besar atau mana-mana guru yang menjalankan tugas-tugas Guru Besar di sekolah rendah.
- 2.2 Penasihat maknanya Tuan Pengarah Pendidikan Negeri Selangor Darul Ehsan dan Pendaftar maknanya Tuan Pengarah Pendidikan Negeri Selangor Darul Ehsan.
- 2.3 Ahli maknanya Guru-Guru Besar sekolah rendah dalam Negeri Selangor Darul Ehsan.
- 2.4 Pegawai maknanya Guru Besar yang dipilih dalam Persidangan Perwakilan Negeri Selangor Darul Ehsan yang terdiri daripada Yang DiPertua, Timbalan Yang DiPertua, Naib Yang DiPertua, Setiausaha, Penolong Setiausaha dan Bendahari.
- 2.5 Jawatankuasa Tadbir maknanya Guru Besar yang terdiri daripada Pengerusi dan Setiausaha Majlis Guru Besar Daerah-Daerah dalam Negeri Selangor Darul Ehsan.

Fasal 3

Tujuan

- 3.1 Mengeratkan hubungan muhibbah di antara Guru-Guru Besar di semua peringkat dan semua jenis sekolah rendah dalam Negeri Selangor Darul Ehsan.
- 3.2 Memberi kerjasama kepada Pejabat Pendidikan Daerah, Jabatan Pendidikan Negeri Selangor Darul Ehsan dan Kementerian Pendidikan Malaysia bagi melicinkan perlaksanaan dan keperluan Dasar Pendidikan Kebangsaan.
- 3.3 Bertukar-tukar fikiran dan maklumat mengenai pengalaman pentadbiran dan pendapat yang boleh meningkatkan prestasi pembelajaran dan pengajaran di sekolah-sekolah rendah.
- 3.4 Mendukung dan mengamalkan prinsip-prinsip Rukun Negara dan Falsafah Pendidikan Negara.
- 3.5 Berusaha meningkatkan kebajikan guru-guru, kemasyarakatan dan tatasusila atau sahsiah guru.

Fasal 4

Keahlian

- 4.1 Keahlian Majlis Guru Besar Negeri terdiri daripada Guru-Guru Besar sekolah rendah kerajaan dan sekolah rendah bantuan modal dalam Negeri Selangor Darul Ehsan.

Fasal 5

Kewajipan Ahli

- 5.1 Mematuhi Perlembagaan
- 5.2 Menjelaskan yuran mengikut kehendak perlembagaan
- 5.3 Melaksanakan segala keputusan yang telah ditetapkan oleh Jawatankuasa Tadbir Majlis dalam Persidangan biasa atau luar biasa Perwakilan Negeri.

Fasal 6

Hak Ahli

- 6.1 Mendapat faedah mengikut Fasal 3
- 6.2 Hak bersuara
- 6.3 Hak mengundi
- 6.4 Hak menjadi Pegawai dan Jawatankuasa Tadbir

Fasal 7

Lucut Menjadi Ahli

- 7.1 Mana-mana ahli Guru Besar yang bersara wajib, diambil tindakan tatatertib berhenti tugas oleh pendaftar, pindah tugas ke Jabatan Pendidikan Negeri dan Daerah dianggap lucut keahlian.

Fasal 8

Pentadbiran

- 8.1 Penaung : Yang Amat Berhormat Menteri Besar Selangor Darul Ehsan
- 8.2 Penasihat : Yang Berusaha Tuan Pengarah Pendidikan Selangor Darul Ehsan
- 8.3 Majlis Guru Besar Negeri Selangor akan ditadbir oleh sebuah jawatankuasa terdiri daripada
 - 8.3.1 Seorang Yang DiPertua
 - 8.3.2 Seorang Timbalan Yang DiPertua
 - 8.3.3 Seorang Naib Yang DiPertua
 - 8.3.4 Seorang Setiausaha
 - 8.3.5 Seorang Penolong Setiausaha
 - 8.3.6 Seorang Bendahari
- 8.3.7 Ahli Jawatankuasa Tadbir Majlis Guru Besar Negeri terdiri daripada Pengerusi dan Setiausaha Mejlis Guru Besar Daerah-Daerah atau mana-mana nama Guru Besar yang dicadangkan oleh Majlis Guru Besar Daerah-Daerah.
- 8.4 Semua Pegawai Majlis Guru Besar Negeri hendaklah dipilih dalam Persidangan Perwakilan Biasa tiga tahun sekali.

- 8.5 Jawatankuasa Tadbir Majlis Guru Besar Negeri diberi kuasa boleh melantik mana-mana Pegawai Majlis Guru Besar Negeri jika berlaku kekosongan mengikut kekananan.
- 8.6 Jawatankuasa Tadbir Majlis Guru Besar Negeri diberi kuasa menubuhkan Jawatankuasa Kecil.
- 8.7 Sekiranya kekosongan wakil Jawatankuasa Tadbir Majlis Guru Besar Daerah-Daerah, ahlinya diganti oleh mana-mana Pegawai Tadbir Daerah-Daerah berkaitan mengikut kekananan.

Fasal 9

Mesyuarat-Mesyuarat

- 9.1 Persidangan Perwakilan Negeri hendaklah diadakan sekali setiap tahun sebelum bulan Ogos.
- 9.2 Tugas-tugas Persidangan Agong Perwakilan tahunan ialah:-
 - 9.2.1 Menerima dan mengesahkan Peringatan Persidangan Perwakilan Negeri yang lepas.
 - 9.2.2 Menerima dan mengesahkan Peringatan Tahunan Jawatankuasa Tadbir Majlis.
 - 9.2.3 Menerima dan mengesahkan Penyata Kewangan Tahunan Majlis.
 - 9.2.4 Memilih Pegawai-Pegawai Majlis mengikut Fasal 8 Ceraian 4.
 - 9.2.5 Memilih dua orang Juru Audit Dalam.
 - 9.2.6 Menerima cadangan-cadangan dan usul-usul dalam Persidangan Perwakilan Majlis Negeri.
- 9.3 Mesyuarat Jawatankuasa Tadbir Majlis Guru Besar Negeri hendaklah diadakan sekurang-kurangnya 3 bulan sekali untuk memutuskan persetujuan pengurusan kewangan dan pentadbiran.
- 9.4 Persidangan Perwakilan Majlis Guru Besar Negeri Luar Biasa hanya diadakan jika ada permohonan 1/3 Majlis Guru Besar Daerah-Daerah dengan notis sekurang-kurangnya 14 hari dari tarikh surat diterima.
- 9.5 Persidangan Perwakilan Biasa dan Luar Biasa dipengerusikan oleh seorang yang dilantik dalam Persidangan Perwakilan Negeri.

Fasal 10

Korum

- 10.1 Ahli-ahli Persidangan Perwakilan adalah terdiri daripada
 - 10.1.1 Semua Pegawai dan Ahli Jawatankuasa Tadbir Majlis Guru Besar Negeri Selangor Darul Ehsan.
 - 10.1.2 Wakil ke Persidangan Perwakilan Negeri terdiri daripada 5 orang ahli yang dipilih dalam Mesyuarat Agong Daerah-Daerah dan seorang Pengerusi Majlis Guru Besar Daerah-Daerah.
- 10.2 Kuorum Persidangan Perwakilan Negeri Biasa atau Luar Biasa atau Mesyuarat Jawatankuasa sekurang-kurangnya 1/2 Perwakilan atau Pegawai Jawatankuasa Tadbir Majlis Guru Besar Negeri Selangor Darul Ehsan.

Fasal 11

Kewangan

- 11.1 Yuran
 - 11.1.1 Yuran Tahunan bagi tiap-tiap Guru Besar ialah sebanyak RM20.00. Yuran dikutip oleh Pengerusi Majlis Guru Besar Daerah-Daerah sebelum berakhir bulan Mei setiap tahun.
 - 11.1.2 Yuran akan diperuntukan RM10.00 untuk Majlis Guru Besar Daerah-Daerah, RM8.00 untuk Majlis Guru Besar Negeri dan RM2.00 untuk Majlis Guru Besar Malaysia.
- 11.2 Derma
 - 11.2.1 Dengan persetujuan bersurat daripada Pendaftar, Majlis dibolehkan memungut derma daripada orang ramai bagi tujuan menambah kewangan.
 - 11.2.2 Dengan persetujuan bersurat daripada Pendaftar, Majlis dibolehkan membuat perjanjian dengan agensi perniagaan bagi mencetak, mengedar bahan-bahan pengeluarannya.

Fasal 12

Pemegang Amanah

- 12.1 Mana-mana Majlis Guru Besar sama ada Malaysia atau Negeri atau Daerah/Jajahan mestilah membuka akaun di mana-mana Bank Tempatan di Malaysia yang mudah bagi Pegawai-Pegawai Majlis Guru Besar menyimpan wang atau harta atau berurus niaga.
- 12.2 Pegawai-Pegawai memegang amanah Majlis terdiri daripada Yang DiPertua, Setiausaha dan Bendahari. Pengeluaran kewangan hanya dibenarkan jika ada dua orang penanda tangan terdiri daripada Pegawai-Pegawai Majlis Negeri.

- 12.3 Bendahari hanya dibenarkan memegang jumlah wang tunai RM100.00 sahaja.
- 12.4 Pengauditan Tahunan Kewangan Majlis Guru Besar Negeri dari 1hb. Januari hingga 31hb. Disember setiap tahun.

Fasal 13

Pindaan Perlembagaan

- 13.1 Sebarang pindaan perlembagaan Majlis Guru Besar hanya diluluskan dengan persetujuan 2/3 perwakilan dalam Persidangan Perwakilan Negeri dan jika dibenarkan oleh pihak Pendaftar.

Fasal 14

Pentafsiran dan Pembubaran

- 14.1 Jika sebarang kekeliruan perlembagaan Majlis Negeri hendaklah merujuk kepada Ahli Jawatankuasa Tadbir Majlis Negeri.
- 14.2 Majlis Guru Besar Negeri boleh dibubarkan hanya atas persetujuan pihak pendaftar setelah semua tanggungan diselesaikan.

Fasal 15

Tanggungjawab

- 15.1 Yang DiPertua
- 15.1.1 Menjadi Pengerusi Mesyuarat Jawatankuasa Tadbir Majlis Negeri.
 - 15.1.2 Mempunyai hak undi pemutus yang muktamad
 - 15.1.3 Menandatangani Peringatan Mesyuarat Jawatankuasa Tadbir yang diluluskan.
 - 15.1.4 Menjadi Pengerusi disiplin dan tatatertib Majlis Guru Besar Negeri
 - 15.1.5 Menjadi wakil Majlis Guru Besar Negeri dalam sebarang jemputan agensi-agensi lain.
 - 15.1.6 Menjadi wakil Majlis-Majlis Guru Besar Negeri dalam sebarang kenyataan akhbar.
 - 15.1.7 Menjadi penandatangan sebarang cek Majlis Guru Besar Negeri.
- 15.2 Timbalan Yang DiPertua
- 15.2.1 Membantu tugas Yang DiPertua Majlis Guru Besar Negeri jika dikehendaki dan atas kebenaran kecuali ceraian 15.1 huriaian 15.1.7.
 - 15.2.2 Menggantikan tugas Yang DiPertua Majlis Guru Besar Negeri semasa ketiadaannya.
 - 15.2.3 Ahli Jawatankuasa Disiplin Majlis Guru Besar.

15.3 Naib Yang DiPertua

- 15.3.1 Menjalankan tugas sama seperti Fasal 15 ceraian 15.2

15.4 Setiausaha

- 15.4.1 Bertanggungjawab secara langsung kepada Yang DiPertua Majlis Guru Besar Negeri.
- 15.4.2 Memanggil Mesyuarat Jawatankuasa Tadbir Majlis Guru Besar Negeri, Mesyuarat Persidangan Perwakilan Biasa, Luar Biasa pada bila-bila masa yang dikehendaki.
- 15.4.3 Bertanggungjawab atas kesempurnaan mesyuarat-mesyuarat dan dokumentasi.
- 15.4.4 Bertanggungjawab sama ada seperti ceraian 15.1 huraihan 15.1.7 semasa ketiadaannya.

15.5 Penolong Setiausaha

- 15.5.1 Membantu tugas Setiausaha Majlis Guru Besar Negeri jika dikehendaki.
- 15.5.2 Menggantikan tugas sekiranya ketiadaan Setiausaha Majlis Guru Besar Negeri.

15.6 Bendahari

- 15.6.1 Bertanggungjawab atas kesempurnaan perjalanan kewangan.
- 15.6.2 Menandatangani cek-cek dan laporan kewangan kepada Ahli-Ahli dan Jawatankuasa Tadbir Majlis Guru Besar Negeri.
- 15.6.3 Melaporkan kepada Ahli-Ahli dan Jawatankuasa Majlis Guru Besar Negeri kedudukan harta, kewangan dan apa-apa milik Majlis Guru Besar Negeri.

15.7 Jawatankuasa

- 15.7.1 Mengawal perjalanan dan menyelesaikan masalah-masalah Majlis Guru Besar Negeri dan Daerah-Daerah.
- 15.7.2 Menetapkan tarikh Masyuarat Jawatankuasa Tadbir dan Persidangan Perwakilan Biasa, Luar Biasa Majlis Guru Besar Negeri.
- 15.7.3 Mengawal dan menentukan perbelanjaan dan menamakan mereka yang ditauliahkan menandatangani cek dan menetapkan tempat menyimpan wang.
- 15.7.4 Menunaikan dan melaksanakan segala syarat yang dikehendaki oleh Perlembagaan.
- 15.7.5 Bekerjasama dengan Majlis Guru Besar Malaysia, Majlis Guru Besar Daerah-Daerah, agensi-agensi yang dibenarkan oleh Pendaftar, Jabatan dan Kementerian Pendidikan Malaysia, Negeri Selangor dan Daerah-Daerah.